

Perintah Pekerjaan (Upah Minimum), 2023

DEFINISI UPAH MINIMUM

Gaji minimum yang perlu **dibayar** oleh majikan **kepada setiap pekerja** untuk kerja-kerja yang dilaksanakan dalam tempoh tertentu, yang **tidak boleh dikurangkan** mengikut perjanjian secara *collective* atau individu, iaitu sebelum caruman TAP/SCP/SPK, dan sebarang elaun tambahan atau insentif kewangan lain.

DIKENAKAN KEPADA

**Pekerja (Tempatan & Asing)
DI SYARIKAT SWASTA**

Sepenuh masa

Sambilan

PIHAK YANG DIKECUALIKAN

Kerajaan

Perantis

Pekerja Domestik

Special Authorisation Work Pass

Professional Visit Visa

Pekerja Tidak Formal

Pelaut

Sukarelawan

PELAKSANAAN DASAR GAJI MINIMUM

Berkuat kuasa mulai
12hb Julai 2023

Tempoh peralihan
selama 6 bulan

Perlaksanaan
secara berfasa

Bagi industri-industri
yang tertentu sahaja

OBJEKTIF

1

Menetapkan
gaji asas

Pendapatan adil & berpatutan



Menyokong sara hidup yang baik



2

Melindungi pekerja daripada
gaji yang terlalu rendah

Gaji terlalu rendah



3

Meningkatkan **motivasi & produktiviti** pekerja

Motivasi



Produktiviti



4

Merangsang **pertumbuhan ekonomi**



FASA 1

INDUSTRI-INDUSTRI YANG TERLIBAT DALAM FASA PERTAMA

Perbankan & Kewangan

(i) Bank dan institusi kewangan yang berdaftar di bawah Brunei Darussalam Central Bank (BDCB).

- Bank yang berdaftar dibawah seksyen 4 atau 23, Perintah Perbankan, 2006 (S 45/2006) dan Bank Islam yang berdaftar di bawah seksyen 4 atau 23, Perintah Perbankan Islam, 2008 (S 96/2008);
- Syarikat kewangan yang berdaftar di bawah Akta Syarikat Kewangan (Bab 89).

(ii) Bank Usahawan Berhad.

(iii) Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei seksyen 3(1) Akta Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (Bab 163).

Teknologi Info-Komunikasi (ICT)

(i) Diaplikasikan kepada syarikat ICT yang berdaftar di bawah Authority for Infocommunication Technology Industry (AITI).

- Sistem telekomunikasi atau operator servis di bawah seksyen 5, Perintah Telekomunikasi, 2001 (S 38/2001), tidak termasuk Radio Televisyen Brunei.



Imbas kod QR bagi Buku Panduan
Employment (Minimum Wage) Order, 2023

GAJI MINIMUM

Kadar bulanan
(Pekerja sepenuh masa)

BND 500*

Kadar setiap jam
(Pekerja sambilan)

BND 2.62*



*Gaji asas adalah sebelum caruman TAP/SCP/SPK.

Tidak termasuk elaun tambahan atau insentif kewangan yang lain.

Perintah Pekerjaan (Upah Minimum), 2023

SEBAGAI SYARIKAT SWASTA, BAGAIMANA KAMI TERKESAN?


Berkuat kuasa mulai 12hb Julai 2023, para majikan di industri **Perbankan & Kewangan** dan industri **Teknologi Info-Komunikasi** adalah dikehendaki untuk membayar para pekerja gaji minimum sebanyak **BND500 sebulan**.

FASA 1

Perbankan & Kewangan

Setakat bulan Julai 2023, syarikat-syarikat di bawah industri ini adalah seperti berikut:-

- Baiduri Bank Berhad
- Baiduri Finance Berhad
- Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD)
- BIBD At-Tamwil Berhad
- Bank of China (Hong Kong) Limited
- Bank Usahawan Berhad
- Malayan Bank Berhad (Maybank)
- Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB)
- RHB Bank Berhad
- State Street (Brunei) Sendirian Berhad
- Standard Chartered Bank (SCB)
- United Overseas Bank (UOB) Limited



Teknologi Info-Komunikasi (ICT)

Setakat bulan Julai 2023, syarikat-syarikat di bawah industri ini adalah seperti berikut:-

- Arinc (Asia Pacific) Private Limited
- Bru-Haas (B) Sendirian Berhad
- Datastream Digital Sendirian Berhad (DST)
- Imagine Sendirian Berhad
- Network Integrity Assurance Technologies (NIAT) Sendirian Berhad
- Progresif Sendirian Berhad
- RigNet BRN Sendirian Berhad
- Sita B.V.
- Telehub Sendirian Berhad
- Unified National Networks Sendirian Berhad



GAJI MINIMUM

Kadar bulanan
(Pekerja sepenuh masa)

BND 500*

Kadar setiap jam
(Pekerja sambilan)

BND 2.62*

***Gaji asas** adalah sebelum caruman TAP/SCP/SPK.

Tidak termasuk elaun tambahan dan insentif kewangan yang lain.

TEMPOH PERALIHAN

Syarikat-syarikat diberikan tempoh **enam bulan** untuk membuat sebarang **perubahan yang diperlukan** kepada kontrak para pekerja dalam tempoh peralihan iaitu menyediakan dan menandatangani kontrak yang telah dikemaskinikan.

BAGAIMANA DENGAN INDUSTRI YANG LAIN?

Perlaksanaan bagi industri lain dalam fasa seterusnya adalah bergantung kepada **prinsip-prinsip panduan berasaskan bukti**.

Perintah ini akan **disemak secara berkala** bagi memastikan ia adalah relevan bagi pelaksanaan fasa seterusnya.

BORANG PENGESAHAN

Syarikat-syarikat hendaklah mengisi borang pengesahan dengan lengkap.



Imbas kod QR

E-mel kepada Jabatan Buruh

led@buruh.gov.bn

PRINSIP PANDUAN

Beberapa prinsip panduan telah diambil kira dalam mengenal pasti industri bagi fasa pertama pelaksanaan.

Ini termasuk **kesediaan** industri berkenaan dan **impak kos dan risiko** terendah kepada operasi dan kelangsungan perniagaan.

KESALAHAN

Di bawah **Seksyen 148**, Perintah Pekerjaan, 2009, mana-mana majikan yang melakukan kesalahan di bawah akta tersebut, boleh dikenakan denda tidak melebihi **BND 3000** atau **penjara** tidak melebihi tempoh **satu tahun** atau **kedua-duanya sekali**.

Perintah Pekerjaan (Upah Minimum), 2023

**SAYA SEORANG PEKERJA
DI SYARIKAT SWASTA,
BAGAIMANA SAYA TERKESAN?**

Jika awda bekerja di syarikat yang terpilih dalam industri **Perbankan dan Kewangan** atau industri **Teknologi Info-Komunikasi**, maka perubahan di bawah ini adalah bagi awda.

FASA 1

Perbankan & Kewangan

Setakat bulan Julai 2023, syarikat-syarikat di bawah industri ini adalah seperti berikut:-

- Baiduri Bank Berhad
- Baiduri Finance Berhad
- Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD)
- BIBD At-Tamwil Berhad
- Bank of China (Hong Kong) Limited
- Bank Usahawan Berhad
- Malayan Bank Berhad (Maybank)
- Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB)
- RHB Bank Berhad
- State Street (Brunei) Sendirian Berhad
- Standard Chartered Bank (SCB)
- United Overseas Bank (UOB) Limited

Teknologi Info-Komunikasi (ICT)

Setakat bulan Julai 2023, syarikat-syarikat di bawah industri ini adalah seperti berikut:-

- Arinc (Asia Pacific) Private Limited
- Bru-Haas (B) Sendirian Berhad
- Datastream Digital Sendirian Berhad (DST)
- Imagine Sendirian Berhad
- Network Integrity Assurance Technologies (NiAT) Sendirian Berhad
- Progresif Sendirian Berhad
- RigNet BRN Sendirian Berhad
- Sita B.V.
- Telehub Sendirian Berhad
- Unified National Networks Sendirian Berhad

GAJI MINIMUM

Kadar bulanan
(Pekerja sepenuh masa)

BND 500*

Kadar setiap jam
(Pekerja sambilan)

BND 2.62*

***Gaji asas** adalah sebelum caruman TAP/SCP/SPK.

Tidak termasuk elaun tambahan dan insentif kewangan yang lain.



TEMPOH PERALIHAN

Syarikat-syarikat diberikan tempoh **enam bulan** daripada **12hb Julai 2023**, untuk membuat sebarang perubahan yang diperlukan terhadap kontrak pekerja dalam tempoh peralihan iaitu menyediakan dan menandatangani kontrak yang telah dikemaskinikan.



MENERIMA PENDAPATAN DI BAWAH KADAR GAJI MINIMUM?

Majikan awda **dikehendaki** untuk membuat sebarang perubahan yang diperlukan kepada kontrak pekerjaan awda, termasuk gaji agar selaras dengan perintah kadar gaji minimum.



PENANDATANGANAN KONTRAK

Majikan awda akan menyediakan kontrak yang telah dikemaskinikan untuk awda tandatangi semula.

Syarikat akan menyimpan satu salinan. Awda akan menyimpan satu salinan.



BAGAIMANA DENGAN INDUSTRI YANG LAIN?

Perlaksanaan bagi industri lain dalam fasa seterusnya adalah bergantung kepada prinsip panduan berasaskan bukti.

Kerajaan akan menyemak perintah ini secara berkala untuk memastikan ia adalah sentiasa relevan dan berkesan.



MENERIMA PENDAPATAN MELEBIHI KADAR GAJI MINIMUM?

Awda tidak perlu untuk menandatangani kontrak baru. Majikan awda **tidak boleh** menjadikan perintah ini sebagai alasan untuk mengurangkan gaji awda. Perintah ini **tidak menghalang** awda dan majikan awda untuk mempersetujui kadar gaji yang lebih tinggi.



MEMBUAT ADUAN

Awda boleh membuat **aduan secara rasmi kepada Jabatan Buruh** jika terdapat sebarang pelanggaran perintah.

Sebagai contoh, gaji awda tidak diselaraskan mengikut kadar gaji minimum setelah tamat tempoh peralihan.